



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Selangor laksana Program Rebat Elektrik RM40 / Rebat elektrik diselaraskan segera</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1
2.	<u>ST nafi terlibat kutipan tabung kebajikan</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Water rationing if dry spell continues in Perlis</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Fire cases rise in Melaka</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Temperatures in Malaysia expected to soar to 38°C</u>	TODAY online	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Temperatures in parts of Malaysia expected to hit 38 deg C</u>	The New Paper	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Water shortage could have been avoided if dam built as planned, says PBS</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Tiada gelombang haba, tetapi elak aktiviti luar - Meteorologi Sabah</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Warga emas, kanak-kanak berisiko diserang strok haba</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Catuan bekalan air jika panas berterusan hingga Mei – JPS / Bekalan air Perlis mungkin dicatu</u>	Kosmo	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 2
11.	<u>8,836 terima rebat elektrik RM40 sebulan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita



12.	Rebat elektrik di Selangor tak lama lagi [METROTV]	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
13.	8,836 ketua isi rumah Selangor dapat rebat elektrik RM40 sebulan	Kosmo	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Angin timur elak jerebu</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 3
15.	<u>Haze may form, but with limited effect, says meteorologist</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
16.	<u>Iklan: Bicara Minda bersama Yeo Bee Yin</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 5

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
17.	Untung bersih TNB RM3.75 bilion	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
18.	TNB registers higher profit and revenue in 2018	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
19.	<u>TNB RM134mil in the red in Q4</u>	The Star	Rujuk lampiran 6
20.	<u>TNB catat perolehan RM50.39 bilion</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
21.	<u>Fenomena cuaca panas</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 8
22.	Hutan terbakar: Penduduk Kuantan diancam bahaya	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Forex losses send TNB into the red in Q4</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 9



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
24.	<u>Earth's fish are disappearing because of climate change, study says</u>	CNN	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Climate change and the next generation</u>	The Guardian	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 21
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

Rebat elektrik diselaras segera

Bakal beri
manfaat 8,836 isi
rumah di
Selangor

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM



Amirudin menjawab soalan pemberita ketika sidang media.

Kerajaan Selangor sedang menyelaras pelaksanaan Program Rebat Elektrik RM40 yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Mestec) di negeri ini dalam masa terdekat.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pemberian inisiatif berkenaan bakal mem-

beri manfaat kepada 8,836 isi rumah di negeri ini dengan tambahan 2,262 penerima layak mendapat rebat tersebut.

Beliau berkata, menerusi sidang Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum ini, Mestec telah membuat pembentangan mengenai

pelaksanaan itu dan kerajaan negeri telah meluluskan inisiatif berkenaan dengan beberapa cadangan untuk diambil tindakan susulan selepas ini.

"Buat masa ini, senarai penerima sedang mula didaftarkan dan pelaksanaan bagi pemberian inisiatif tersebut

dijangka akan dibuat dalam tempoh masa terdekat," katanya kepada pemberita ketika sidang media di Bilik Gerakan MTES, semalam.

Mengulas lanjut mengenai syarat-syarat pemberian rebat tersebut, Amirudin berkata pengguna yang layak menda-

pat inisiatif ini adalah merupakan ketua isi rumah miskin tegar dan disahkan di dalam sistem eKasih.

Beliau berkata, penerima yang layak akan menerima rebat RM40 setiap bulan sepanjang tahun ini.

"Pemberian ini akan diu-

ruskan sepenuhnya oleh Mestec dan kerajaan negeri hanya bertindak untuk menyelaras-penerima," katanya.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata Kerajaan Selangor turut bersetuju mewujudkan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (Anis) dengan matlamat bagi membantu meringankan beban ibu-bapa atau penjaga.

Beliau berkata penerima manfaat ini adalah daripada kalangan ibu bapa atau penjaga kepada orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Mereka boleh mohon dengan mengisi borang di 56 Pusat Khidmat DUN seluruh Selangor dan laman sesawang Kerajaan Selangor," katanya.

LAMPIRAN 2
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 16
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

Empangan Tasoh hanya mampu bertahan empat bulan jika cuaca panas berterusan
Bekalan air Perlis mungkin dicatu

KANGAR – Paras air Empangan Timah Tasoh, satu-satunya empangan di Perlis berada pada paras normal dan berupaya bertahan selama empat bulan lagi dalam cuaca panas ketika ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Mohamad Hafiz Harun berkata, jika cuaca panas berterusan sehingga Mei ini, besar kemungkinan air akan susut banyak dan bekalan terpaksa dicatu.

"Paras normal iaitu 28.10 meter direkodkan semalam. Bagi kegunaan domestik, jumlah yang boleh dibekalkan ialah 19.79 juta meter padu sahaja. Ini bermakna bekalan mungkin boleh bertahan selama tiga hingga empat bulan," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Empangan yang menelan kos



EMPANGAN Semenyih di sempadan Selangor dan Negeri Sembilan mampu menampung bekalan air sebanyak 120 juta galen sehari. – Gambar hiasan

RM77 juta dan dibina melalui peruntukan Projek Pembangunan Pertanian Besepadu Malaysia (IADP) itu siap pada tahun 1992 untuk membekalkan air bagi kegunaan domestik, pertanian dan industri.

Pengarah Jabatan Meteorologi Perlis, Mohd. Saharudi Saad berkata, Stesen Meteorologi Chuping di Padang Besar mencatatkan bacaan suhu tertinggi di Chuping iaitu 36.8 darjah Celsius pada 8 dan 22 Februari lalu.

INFO Paras air empangan utama di Malaysia

Empangan Sg. Selangor:	96.89%
Empangan Sg. Tinggi:	96.51%
Empangan Sg. Semenyih:	95.52%
Empangan Sg. Langat:	93.27%
Empangan Batu:	93.96%
Empangan Klang Gates:	88.78%
Empangan Tasik Subang:	97.40%

Sementara itu, paras air di tiga empangan di Melaka semalam masih memuaskan walaupun mengalami penurunan berbanding pada hari sebelumnya.

Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka dalam satu kenyataan di laman Facebook berkata, paras air di Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah menurun kepada 67.8 peratus (20,920 juta liter) semalam daripada 68.3 peratus (21,070 juta liter) pada hari sebelumnya.

Paras air di Empangan Jus

di Jasin pula adalah 88.1 peratus (38,075 juta liter), menurun daripada 88.4 peratus (38,225 juta liter) pada hari sebelumnya.

Empangan Asahan di Jasin juga mengalami penurunan kepada 84.8 peratus (310 juta liter) semalam daripada 85.8 peratus (317 juta liter) pada hari sebelumnya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pula menjangkakan fenomena cuaca kering dan panas akan berakhir apabila berlaku peralihan Monsun Barat Daya mulai penghujung Mac ini.

Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik MetMalaysia, Dr. Hisham Mohd. Anip berkata, peralihan itu menyebabkan negara akan menerima taburan hujan lebih menyeluruh.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

Kuala Lumpur

Angin timur elak jerebu

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memberi jaminan buat masa ini negara bebas daripada bencana jerebu.

Unit Komunikasi Korporat MetMalaysia berkata, ini berikutan negara masih berada dalam lingkaran musim monsun timur laut.

“Arah tiupan angin timuran mengurangkan kemungkinan berlaku jerebu rentas sempadan.

“Selagi tiupan angin dari arah timur, insya-Allah tiada jerebu,” katanya.

Data dikeluarkan Agensi Pengurusan Bencana Daerah (BPBD) Riau, Indonesia merkodkan kawasan seluas 742 hektar terjejas akibat kebakaran yang melanda daerah Bengkalis sejak Januari hingga Isnin lalu.

Kebakaran di Bengkalis membabitkan Pulau Rupat hingga mencatatkan beberapa titik panas mengelilingi pulau di pantai timur Sumatera berkenaan.



LAMPIRAN 4
NEW STRAITS TIMES (NEWS/ NATION): MUKA SURAT 4
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

Haze may form, but with limited effect, says meteorologist

KUALA LUMPUR: The discomfort caused by the hot and dry spell may soon be compounded by haze, but the affected areas may not be significant.

The Meteorological Department's National Weather and Geophysics Operations Centre director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the phenomenon was possible due to the intensifying

heat. He, however, said the haze might not be significant as it would not envelope a large area.

Hisham was making a comparison between the haze caused by current forest fires and the Southeast Asian transboundary haze, which was not on the cards due to weak winds.

He said the dreaded smog usually occurred during the south-

west monsoon, which is from August to November, when arid winds blow across Indonesian hotspots to Malaysia, Singapore and Thailand.

The New Straits Times Online had reported on fears that the haze might recur in Malaysia due to forest fires that have been raging in Riau, Sumatra, since January.

The Riau blaze had reportedly spread to more than 1,100ha of forest, and smoke was beginning to blanket the affected areas, according to data from the Riau District Disaster Management Agency.

Bernama reported that Indonesian authorities were struggling to control the fires, and were using cloud seeding and water

bombing to put them out.

On Wednesday, the Indonesian Meteorology, Climatology and Geophysical Agency reportedly said winds were moving at the rate of 10kph to 27kph in a north-easterly direction.

This might cause the smoke from Riau to move closer to the Southeast Asian mainland. **By Veena Babulal**

LAMPIRAN 5
SINAR HARIAN (RUANG IKLAN): MUKA SURAT 35
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)



**bicara
minda**

MODERATOR
TAN SRI JOHAN JAAFFAR
WARTAWAN VETERAN & KOLUMNIS THE STAR

BERSAMA

YEO BEE YIN

MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM

4 MAC 2019 (ISNIN), 3 - 5 PETANG
DEWAN KARANGKRAF, SEKSYEN 15, SHAH ALAM

Hubungi Fazli Zainul (019-2808492) atau scan kod QR ini untuk mengesahkan kehadiran.

Sinar group & news **LIVE** **TV**



LAMPIRAN 6
THE STAR (STARBIZ): MUKA SURAT 3
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

TNB RM134mil in the red in Q4

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Bhd (TNB) recorded a net loss of RM134.30mil in its fourth quarter ended Dec 31, 2018, mainly due to the decrease in revenue and an increase in the impairment of financial instruments.

In a filing with Bursa Malaysia yesterday, it said profit attributable to owners of the company also decreased from a profit of RM501mil recorded in the preceding quarter to a loss of RM134.3mil in the current quarter, which was a drop of RM635.3mil.

There were no comparative figures for the preceding year's corresponding period due to the company having changed its financial year-end. Revenue in the fourth quarter meanwhile stood at RM12.55bil.

For its financial year ended Dec 31, 2018, TNB's net profit increased to RM3.72bil from RM2.62bil in its previous corresponding period, while revenue jumped more than 200% to RM50.39bil from RM15.69bil a year earlier.

In a separate statement, TNB said the higher full-year revenue was attributed to higher sales of electricity.

Under RP2, TNB explained that the regulator introduced a revenue cap for the distribution network business, with the company returning RM639mil back to the consumers for 2018. The company also said one-off cost of impairments to the group's investments, in addition to substantial foreign exchange translation losses of RM390mil due to the weakening of the ringgit, contributed to higher operating expenses.

Meanwhile, a total of RM11.82bil capital expenditure was incurred in 2018 for maintaining, improving and modernising the power infrastructure to keep pace with the growing electricity demand as well to accommodate the growth of renewable energy in the country, said TNB.

"The company is embarking on a grid of the future project where eventually its grid network will be transformed into a smart, automated and digitally enabled grid.

"The upgrading of the national grid into a new super highway will help TNB meet current and future electricity needs, especially at high load areas.

"As TNB accelerates its drive towards sustainability, the company and its subsidiaries have started with clean power generation and offering green solutions such as smart home technology, energy efficiency and energy solutions," it said.



LAMPIRAN 7
 UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 40
 TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

TNB catat perolehan RM50.39 bilion

Oleh SHAHIZAM TAZALI
 ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 FEB.

TENAGA Nasional Berhad (TNB) mencatatkan pendapatan sebanyak RM50.39 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dipacu oleh hasil jualan elektrik yang lebih tinggi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, kumpulan mencatatkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) lebih rendah pada RM13.37 bilion disebabkan pulangan dibenarkan yang lebih rendah pada paras 7.3 peratus di bawah Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) bagi Tempoh Pengawalseliaan 2 (RP2).

PIHAK kawal selia menetapkan had pendapatan bagi perniagaan jaringan pengedaran dan TNB telah memulangkan RM639 juta kepada pengguna pada 2018.



Jelas beliau, di bawah RP2 pihak kawal selia menetapkan had pendapatan bagi perniagaan jaringan pengedaran dan TNB telah memulangkan RM639 juta kepada pengguna pada 2018.

"Kerosotan nilai pelaburan kumpulan ditambah dengan kerugian pertukaran mata wang asing sebanyak RM390 juta susulan kelemahan ringgit telah menyumbang kepada perbelanjaan operasi lebih tinggi sekali menyebabkan keuntungan selepas cukai (PAT) yang lebih rendah sebanyak RM3.75 bilion.

"Pulangan stabil yang dijamin oleh IBR membolehkan kami membuat pelaburan semula yang besar bagi memastikan grid nasional yang berdaya harap dan mampan di samping meningkatkan pelaburan dalam

tenaga boleh diperbaharui (RE)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Azman, perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM11.82 bilion dicatatkan pada tahun kewangan 2018 untuk menyenggara, meningkatkan dan memodenkan infrastruktur kuasa agar memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat serta menampung pertumbuhan RE di negara ini.

Menurutnya, syarikat sedang melaksanakan projek grid masa depan yang mana rangkaian grid akan berubah menjadi grid pintar beroperasi secara automatik dan digital.

"Langkah ini membantu TNB memenuhi keperluan elektrik semasa dan masa hadapan terutamanya di kawasan-kawasan yang memiliki beban tinggi.

TNB dan anak-anak syarikat telah memulakan penjaan tenaga bersih dan menawarkan penyelesaian mesra alam seperti

teknologi rumah pintar serta kecekapan dan penyelesaian tenaga," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, lembaga pengarah telah meluluskan nisbah pembayaran dividen sebanyak 56 peratus daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) terlaras sebanyak RM5.42 bilion.

"Pembayaran dividen berkenaan merupakan yang tertinggi setakat ini. Ini diterjemahkan kepada 53.27 sen sesaham bagi tahun kewangan 2018 yang mana 23 sen sesaham akan diagihkan sebagai dividen akhir satu peringkat," katanya.



AZMAN MOHD.



LAMPIRAN 8
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

14 setempat

01-03-2019

Ladang tanah gambut 71.63 hektar terbakar

Kota Tinggi: Kemarau yang melanda dipercayai menjadi punca kebakaran besar ladang tanah gambut berkeluasan 71.63 hektar di Jalan Penawar ke Punggal, Pengerang, di sini, sejak tujuh hari lalu. Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Penawar, Penguasa Bomba Mohd Fadli Ismail berkata, kebakaran dipercayai membatik ladang bagi projek tanaman sawit. Katanya, sehingga kini, operasi pemadaman belum ditamatkan sepenuhnya berikutan faktor persekitaran dan keadaan cuaca yang panas. Pihak bomba menggerakkan seramai 11 anggota bomba secara harian, selain mendapat kerjasama 28 pekerja ladang berkenaan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) Pengerang. Berdasarkan maklumat awal, kebakaran di ladang dengan keluasan keseluruhan 445.15 hektar sudah berlaku dua kali pada Februari ini berikutan keadaan cuaca panas, selain terdapat kayu kering di sekitarnya. "Bagaimanapun, pihak

bomba mengalami kesukaran mendapatkan punca air. Operasi pemadaman menggunakan peralatan khas forest fire membatikan jentera dengan tiga kenderaan pacuan empat roda," katanya di sini, semalam. Mohd Fadli berkata, jarak antara lokasi kebakaran dengan kediaman penduduk adalah 10 kilometer. "Untuk makluman kes kebakaran tanah gambut mengambil masa yang lama berikutan lapisan kebakaran yang bertingkat di dalam tanah. Kebiasaannya mengambil masa lebih kurang dua minggu atau lebih, malah pernah menjangkau hingga dua bulan. "Pada masa sama, masyarakat dinasihatkan tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran terbuka. "Orang ramai diminta memberi kerjasama memadam kebakaran kecil dan melaporkan kepada pihak bomba sekiranya terdapat berlaku kebakaran terbuka di kawasan mereka," katanya.



ANGGOTA bomba memadam kebakaran terbuka di ladang tanah gambut di Jalan Penawar ke Punggal, Pengerang.



200 petani mengeluh hasil tuaian padi angin susut hingga 70 peratus

Lelah tanaman tak menjadi

MOHD Syahrul (kiri) menunjukkan padi angin yang mudah luruh dari tangkai pokok padi di sawah Kampung Pulau Emas.

Noorazura Abdul Rahman am@metro.com.my

Dua ratus petani yang mengerjakan sekitar 500 hektar sawah di beberapa kampung di sini, mengeluh apabila hasil tanaman mereka pada musim ini merosot bertukar menjadi padi angin. Petani terlibat dari Kampung Pulau Emas, Kampung Titi Bom, Kampung Sungai Lima, Kampung Padang Besar dan Kampung Bukit Besar. Keadaan itu menyebabkan petani berkenaan menanggung kerugian dan terpaksa berhutang bagi menanggung pelbagai kos daripada mem-

bajak, menanam sehingga menuai padi. Menurut petani, Mohd Syahrul Nizam Mehad, 28, berkata, kebanyakan pesawah sedih pada musim ini (2/2018) berikutan hasil tuaian padi susut antara 30 hingga 70 peratus. "Saya sudah tuai separuh daripada empat hektar sawah yang saya usahakan, jika pada musim 1/2018 hasil tuaian saya hampir dua tan bagi 0.28 hektar atau seratus sawah tapi sekarang hanya satu tan saja. "Sawah itu pula saya usahakan dengan menyewa daripada tuan tanah, kadar sewa pula perlu dibayar antara RM700 sehingga RM1,200, hasil satu tan padi RM1,200 dengan hasil RM1,200 itulah

saya perlu membayar kos upah membajak sehingga menuai, memang kami tak ada untung dan apa yang dapat cuma lelah saja," katanya yang sudah mengusahakan sawah 10 tahun lalu. Mohd Syazwan Afandi, 27, berkata, dia buntu memikirkkan hasil tuaian yang tidak seberapa dengan kadar keuntungan yang dijangka tidak mencapai RM2,000. Menurutnya, dia mampu memperoleh pendapatan RM2,500 pada musim lalu dan wang itu digunakan selama empat bulan bagi menyara keluarga. "Masalah padi angin ini membelenggu petani sejak sekian lama, saya harap kerajaan prihatin dengan nasib kami yang berkorban untuk

menghasilkan makanan negara," katanya. Sementara itu, Ketua Cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Mohd Hafiz Zakaria berkata, kaedah terbaik mengawal padi angin adalah melalui kaedah tabur terusi di dalam air bertakung. Menurutnya, ia kerana benih padi angin yang berada di dalam sawah tidak boleh bercambah di dalam air bertakung. "MADA sudah melaksanakan kempen padi angin, petani harus mengikut kaedah yang dicadangkan kerana ada petani yang terbukti dapat meningkatkan hasil menerusi kaedah terbit," katanya.



SEBAHAGIAN 90 jemaah menunaikan sunat Istisqa' memohon hujan di Empangan Bukit Malut, Langkawi.

Solat sunat mohon turun hujan

Langkawi: Seramai 90 jemaah menunaikan solat sunat Istisqa' (memohon hujan) di Empangan Bukit Malut di sini, berikutan cuaca panas dan air sungai menyusut di pulau itu. Solat sunat bermula jam 9.30 pagi itu diimamkan Imam Masjid Nurul Ehsan Kampung Bukit Malut, Abdullah Muhamad. Solat sunat anjuran Taliworks Langkawi Sdn Bhd (Taliworks Langkawi) itu turut disertai pelajar Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Marjan dan kakitangan Taliworks Langkawi.

Hadir sama, Pengurus Wilayah Taliworks Langkawi, Amaran Abu Bakar dan Pengerusi Kanan Taliworks Langkawi, Hasbullah Hussin. Sementara itu, Amaran berkata, solat sunat itu adalah usaha memohon kepada Allah supaya diturunkan hujan berikutan cuaca panas melanda negara ketika ini. "Usaha seperti ini pernah kita lakukan berikutan musim kemarau pada 2016, selain usaha pembersihan awam yang menghasilkan kejayaan selepas itu. "Ketika ini, paras air sungai

di Langkawi menunjukkan penurunan 10 peratus dan penggunaan air bersih secara berhemah dapat mengelak isu bekalan air di pulau ini menjadi lebih kritikal," katanya. Jumaat lalu, Syarikat Air Darul Aman (SADA) menerusi kenyataan yang dimuat naik dalam Facebook rasmi syarikat itu memaklumkan beberapa kawasan di pulau itu mengalami masalah gangguan bekalan air. Ia berikutan kekurangan air mentah dari sungai untuk dibekalkan ke dua Loji Rawatan Air (LRA) di sini.

LAMPIRAN 8 (SAMB.) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16 TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

16 setempat

01-03-2019

FENOMENA CUACA PANAS

Gabung dua strategi

■ Kaedah bina empangan, naik paras air berhasil padam 70 peratus kebakaran

Shahrinmahar Latib
am@hmetro.com.my

Kuantan

Kira-kira 70 peratus daripada 60 hektar hutan gambut di kawasan perindustrian Gebeng di sini, yang terbakar sejak Isnin lalu dipadamkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang.

Pengarah JBPM Pahang, Nor Hisham Mohamad berkata, pihaknya menggunakan kaedah membina empangan dan menaikkan paras air di kawasan kejadian untuk memadamkan kebakaran di kawasan hutan berkenaan.

Katanya, penggunaan kaedah itu dapat mengawal api daripada merebak ke kawasan lain, sekali gus memadamkan kebakaran. "Kombinasi taktikal iaitu menaikkan paras air untuk pambanjiran menyeluruh selain pepadaman terus anggota bomba berhasil memadamkan api.

"Sehingga kini, 70 peratus hutan terbakar dipadamkan. Kami yakin kaedah ini mempercepatkan proses pepadaman api di lokasi berkenaan," katanya, semalam.

Nor Hisham berkata, pihaknya juga menggunakan dua pam berkapasiti tinggi termasuk satu dipinjam daripada JBPM Terengganu sejak kelmarin, bagi me-



KADAR penglihatan terjejas berikutan kebakaran hutan di kawasan perindustrian Gebeng.

Api marak sebab tanah serat Seprik

Kuantan: Faktor kandungan organik dan serat tinggi di hutan tanah gambut menjadikan operasi pepadaman kebakaran di kawasan perindustrian Gebeng di sini, sukar dilakukan.

Perkara itu dimaklumkan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Bumi, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr D Youvenharan, yang berkata, operasi memadam kebakaran hutan tanah gambut berdepan kesukaran disebabkan faktor kandungan organik dan serat Seprik membantu proses memadamkan api.

"Berdasarkan kajian pasukan penyelidikan, sifar hingga 33 peratus kandungan serat Seprik ditemui di kawasan keba-

karan ini yang menjadikan tugas memadam api lebih sukar," katanya di lokasi kebakaran, semalam.

Beliau berkata, kesan pembakaran hutan tanah gambut seperti asap yang dihasilkan boleh menjejaskan kesihatan penduduk berhampiran.

Katanya, orang ramai terutama mereka yang menghidap asma dan penyakit berkaitan paru-paru dinasihatkan menghadkan aktiviti luar serta mendapatkan rawatan jika mengalami masalah kesihatan.

"Kesan asap ini berbahaya kepada orang ramai terutama mereka yang menghidap asma dan sakit paru-paru dan digalakkan sentiasa memakai topeng dan minum air dalam kuantiti banyak," katanya.

mastikan bekalan air diperolehi daripada dua tasik di hutan berkenaan.

"Operasi membabitkan 44 pegawai dan anggota bomba termasuk 30 sukarelawan Gebeng Emergency Mutual Aid (GEMA) terdiri daripada pekerja kilang utama di sini selain dibantu pekerja kilang Alliance Steel (M) Sdn Bhd," katanya.

Kebakaran hutan gambut yang juga bekas kawasan pengedaran balak dikesan jam 2 petang Isnin lalu di-

percayaik akibat tindakan pemancing meninggalkan puntung rokok atau menyalaikan unggun api ketika berada di tasik dalam hutan berkenaan.

Pada hari kejadian, bomba menerima panggilan jam 2.28 petang memaklumkan kebakaran di hutan gambut di Kawasan Perindustrian Gebeng seluas 101 hektar.

Berdasarkan maklumat awal, ia dipercayai akibat aktiviti memancing kerana ada beberapa pemancing

keluar dari kawasan hutan yang terbakar berhampiran tasik.

Kebakaran hutan berkenaan merebak apabila meningkat kepada 60 hektar berbanding 40 hektar pada hari pertama berikutan keadaan angin ditambah cuaca panas dan kering.



SALURAN paip yang disambung ke kawasan kebakaran.



ANGGOTA bomba dibantu sukarelawan GEMA bertungkus-lumus memadam kebakaran.

HARIAN METRO

Alor Setar

Paras air tiga empangan turun

Paras takungan air di tiga empangan selain Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Empangan Pedu, Muda dan Ahning menunjukkan sedikit penurunan semalam berbanding bacaan pada kelmarin.

Pengurus Besar MADA Datuk Fouzi Ali berkata, takungan air yang dicatatkan di Empangan Pedu adalah 81.47 peratus berbanding 81.5 peratus pada kelmarin.

Menurutnya, paras air di Empangan Muda pula ialah 55.9 peratus semalam berbanding 56.24 peratus sehari sebelumnya dan Empangan Ahning mencatatkan 72.4 peratus berbanding 72.51 peratus kelmarin.

Katanya, jumlah purata keseluruhan bagi ketiga-tiga empangan itu berada di tahap 77.2 peratus berbanding 77.26 peratus kelmarin.

"Walaupun berlaku sedikit penurunan tetapi ia sangat minimum," katanya.

LAMPIRAN 9
THE SUN DAILY (SUNBIZ): MUKA SURAT 13
TARIKH: 1 MAC 2019 (JUMAAT)

Forex losses send TNB into the red in Q4

KUALA LUMPUR: Owing to forex translation losses of RM145.8 million, Tenaga Nasional Bhd (TNB) saw a net loss of RM134.30 million on revenue of RM12.55 billion for the fourth quarter ended Dec 31, 2018.

Due to the change in the financial year, the performance of the current year is not comparable against any period previously reported.

For the full year, its net profit jumped 42% to RM3.72 billion from RM2.62 billion a year ago, while the group's revenue tripled to RM50.39 billion in FY18, compared with RM15.69 billion in FY17, on the back of higher sales of electricity.

TNB approved a 56% dividend payout ratio from the group's adjusted profit after tax and minority interest of RM5.42 billion. This translates to a total of 53.27 sen per share for FY18, of which 23.0 sen per share will be distributed as the final single tier dividend.

TNB president and CEO Datuk Seri Azman Mohd said the stable returns en-

sured by Incentive Based Regulation has enabled it to reinvest heavily into ensuring the reliability and sustainability of the national grid while enabling increasing investments in renewable energy.

"We intend to forge ahead with our strategic plan that is aligned towards creating value for customers while supporting the government's push towards MESI 2.0. This plan will enhance TNB's business strategy of Reimagining TNB, started in 2015, towards sustainable development across the value chain, from generation to transmission and distribution as well as customer service."

A total of RM11.82 billion capital expenditure was incurred in FY18 for maintaining, improving and modernising the power infrastructure to keep pace with the growing electricity demand as well to accommodate the growth of renewable energy in the country.

The company is embarking on a grid of the future project where eventually its grid network will be transformed into a smart,

automated and digitally enabled grid. The upgrading of the National Grid into a new super highway will help TNB meet current and future electricity needs, especially at high load areas.

As TNB accelerates its drive towards sustainability, the company and its subsidiaries have started with clean power generation and offering green solutions such as smart home technology, energy efficiency and energy solutions.

TNB has increased its renewable energy (RE) generation capacity to 73.2MW through a 50MW Large Scale Solar project in Sepang, in addition to a few joint ventures in biomass and biogas power stations. TNB's most recent venture is through its RE subsidiary, GSPARX, where the company offers self-generation financing packages for solar photovoltaic panels for commercial, industrial and residential customers.

TNB expects the electricity demand growth and the group's performance to remain stable for FY19.